




PENGARUH CUACA DAN IKLIM TERHADAP KEGIATAN MANUSIA DI MALAYSIA

KEGIATAN PERTANIAN

- Suhu yang tinggi (27°C) dan hujan lebat (melebihi 2 600 mm setahun) menggalakkan penanaman pelbagai jenis tanaman sepanjang tahun.
- Contoh tanaman: Padi, getah, kelapa sawit, kelapa, nanas dan lada hitam.
- Suhu yang sederhana, iaitu 18°C hingga 21°C sesuai untuk tanaman hawa sederhana seperti teh, sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga.
- Contoh lokasi: Cameron Highlands di Pahang dan Kundasang di Sabah.



KEGIATAN PEMBALAKAN

- **Min suhu tahunan 27°C dan hujan tahunan melebihi 2 600 mm menggalakkan pertumbuhan Hutan Hujan Tropika, terutamanya di pedalaman Semenanjung Malaysia serta pedalaman Sabah dan Sarawak.**
- **Pelbagai pokok kayu keras yang berharga seperti cengal, keruing, merbau dan nyatuh telah menggalakkan kegiatan pembalakan.**
- **Pembalakan sukar dijalankan pada musim tengkujuh kerana hujan lebat, jalan licin dan kejadian tanah runtuh.**



KEGIATAN PERIKANAN

- Nelayan di pantai barat Semenanjung Malaysia dapat menangkap ikan sepanjang tahun.
- Keadaan perairan Selat Melaka sentiasa tenang kerana terlindung daripada tiupan angin kencang.
- Nelayan di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak dapat turun ke laut untuk menangkap ikan semasa tiupan angin Monsun Timur Laut kerana:
 - keadaan Laut China Selatan bergelora
 - hujan lebat
- Kerja-kerja menjemur hasil laut seperti ikan dilakukan semasa keadaan cuaca panas dan terik.



KEGIATAN PELANCONGAN

- **Iklim Khatulistiwa menarik ramai pelancong antarabangsa berkunjung ke Malaysia:**
 - **keadaan yang panas dan lembap sepanjang tahun**
 - **kawasan tanah tinggi yang bersuhu sederhana dan udara yang nyaman**
 - **suhu air laut antara 20°C hingga 30°C menggalakkan aktiviti berenang dan menyelam skuba serta pertumbuhan batu karang**

